

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Skim Pampasan Pekerja Asing</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01/01/2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Skim Pampasan Pekerja Asing Tarikh :</p>
--	--

1. Apakah produk ini?

Skim Pampasan Pekerja Asing diperkenalkan untuk melindungi kepentingan dan kebajikan semua pekerja asing di Malaysia. Skim ini menyediakan pampasan untuk pekerja asing yang mempunyai dokumen kerja yang sah yang cedera atau sakit akibat kemalangan yang berlaku semasa di dalam tempoh penggajian mereka atau kematian disebabkan daripada kemalangan tersebut.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan seperti berikut:

Seksyen	Perlindungan
1 – Pampasan Pekerja	Seksyen ini melindungi pekerja asing yang diinsuranskan terhadap kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang dialami timbul dari atau dalam tempoh penggajian.
2 – Perbelanjaan Repatriasi	Seksyen ini akan membayar pihak yang diinsuranskan perbelanjaan repatriasi atau RM4,800, yang mana lebih rendah, sekiranya pekerja yang diinsuranskan mati atau hilang upaya menyeluruh secara kekal.
3 – Kemalangan Diri (Selepas Waktu Bekerja)	Seksyen ini akan membayar pihak yang diinsuranskan atau wakil yang sah bagi kecederaan diri yang dialami akibat kemalangan, yang berlaku selepas waktu bekerja.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah yang perlu dibayar?

Premium tahunan minimal ialah RM72.00 (RM67.00 + RM5.00 sebagai bayaran perkhidmatan atas talian) untuk setiap pekerja.

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	10 peratus daripada jumlah premium
Duti setem	RM10.00
Cukai perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium
SPPA bayaran perkhidmatan (setiap pekerja asing) <i>* SPPA adalah bayaran yang dicaj untuk servis atas talian "Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA)". Syarikat insurans akan bertindak sebagai agen kutipan atas nama Jabatan Tenaga Kerja.</i>	RM5.00

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Insurans ini tidak melindungi pihak yang diinsuranskan yang berumur lebih daripada 65 tahun.
- b) Anda mesti memberi notis bertulis jika berlakunya apa-apa kemalangan yang menyebabkan tuntutan pada polisi ini dalam masa 10 hari selepas berlaku kemalangan.
- c) Dalam Seksyen 1, jika kematian berlaku semasa pihak yang diinsuranskan dalam tempoh penggajian, pihak kami akan membayar jumlah tambahan sebanyak RM7,000.00.

d) Manfaat maksimum yang dibayar dalam Seksyen 3 adalah RM23,000.00.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Seksyen	Pengecualian
1	Dalam seksyen ini, pihak kami adalah tidak bertanggungjawab terhadap: - Liabiliti pihak yang diinsuranskan terhadap pekerja kontraktor pihak yang diinsuranskan. - Mana-mana pekerja yang bukan tergolong sebagai “pekerja” di bawah takrifan Undang-Undang.
3	Dalam seksyen ini, pihak kami tidak akan membayar untuk: - Kehamilan atau kelahiran anak, keguguran atau pengguguran. - kesan atau pengaruh ubat-ubatan atau alkohol - sebarang tindakan yang melanggar undang-undang - bunuh diri atau percubaan untuk bunuh diri.
Lain - lain	Pihak kami tidak akan membayar pihak yang diinsuranskan terhadap kerugian/ kerosakan/ kecederaan akibat perang dan pencerobohan

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat/maklumat peribadi saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Skim Pampasan Pekerja Asing lain yang boleh didapati:

Perlindungan Skim Pampasan Pekerja Asing lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Insurans Pampasan Pekerja.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.